

Tahap Kepekaan Pelajar Terhadap Sistem Pengajaran dan Pembelajaran (PDP)

(Level of Student Focus to The Teaching and Learning System (T&L))

Mashita Marsus^{1*}, Shahlan Surat², Ahmad Rafiq Mohd Khairudin³

¹Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: mashy9101@gmail.com

²Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

Email: drshahlan@ukm.edu.my

³Kolej Kejuruteraan, Universiti Tenaga Nasional, Jalan IKRAM-UNITEN, 43000, Kajang, Selangor, Malaysia.

Email: rafiq.khairudin@gmail.com

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Mashita Marsus

(mashy9101@gmail.com)

KATA KUNCI:

Kepekaan pelajar
Sistem pengajaran
Pembelajaran

KEYWORDS:

Student focus
Teaching
Learning system

CITATION:

Mashita Marsus, Shahlan Surat & Ahmad Rafiq Mohd Khairudin. (2023). Tahap Kepekaan Pelajar Terhadap Sistem Pengajaran dan Pembelajaran (PDP). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(5), e002039. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i5.2039>

ABSTRAK

Penyelidikan ini adalah mengenai tahap tumpuan pelajar terhadap sistem pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan pelajar di Kolej iCOOP. Kajian ini adalah untuk melihat kecekapan sistem pengajaran dan pembelajaran ke arah kejayaan pelajar dan sama ada ia memberi impak yang baik kepada pencapaian pelajar menjelang akhir pengajian mereka. Kajian dijalankan dengan melakukan tinjauan melalui persampelan mudah dalam kalangan 26 pelajar di Kolej iCOOP. Saiz persampelan adalah kecil kerana saiz pelajar yang kecil di kolej. Data dikumpul melalui soal selidik yang sah, mengenai maklumat demografi dan soalan tentang sistem pengajaran dan pembelajaran. Keputusan menunjukkan bahawa program diploma yang dipilih pelajar, program orientasi dan kemudahan di kolej mempunyai korelasi positif dengan tahap tumpuan pelajar terhadap sistem pengajaran dan pembelajaran. Hasil kajian menunjukkan tahap kesedaran yang tinggi dalam jurusan yang mereka pilih menyebabkan pelajar yang belajar dalam bidang tersebut mengalami sikap yang lebih positif dan minat yang lebih tinggi. Pelajar harus diberi peluang untuk memilih jurusan mereka sendiri berdasarkan minat mereka. Oleh itu, sebelum memasuki institusi pengajian tinggi, sesi kaunseling adalah bermanfaat untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik tentang kebanyakan jurusan, ini boleh disediakan melalui sekolah, media sosial, dan keluarga.

ABSTRACT

This research is mainly about the level of student focus towards the teaching and learning system among students in iCOOP College. The research is to look at the efficiency of teaching and learning system towards student's success and whether it gives good impact on the student's achievement by the end of their study. The study was carried out by doing

a survey through convenience sampling among 26 students in iCOOP College. The sampling size is small because of the small size of student in the college. The data were collected by a valid and reliable questionnaire on demographic information and questions about teaching and learning system. Results suggested that the diploma program the student choose, orientation program and facilities in the college are positively correlated with the level of student focus towards teaching and learning system. The results of the study show that a high level of awareness of the major causes students who study in that field to experience a more positive attitude and a higher level of interest. Students should be given the opportunity to choose their own major based on their interests. Therefore, before entering a higher education institution, a counseling session is beneficial to gain a better understanding of most majors, this can be provided through school, social media, and family.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini menyumbang keberhasilan dalam menilai keberkesanan sistem pengajaran dan pembelajaran di institut pengajian tinggi dan juga sebagai panduan mengelola sistem pembelajaran secara maya melalui laman sesawang.

1. Pengenalan

Kajian ini dilakukan adalah bagi mengkaji tahap kepekaan pelajar terhadap sistem pembelajaran dan pengajaran seperti kajian yang dilakukan oleh [Mydin dan Surat \(2011\)](#) yang melihat sejauh mana persediaan pelajar apabila menerima ijazah dan memasuki dunia pekerjaan. Inovasi dalam proses P&P kebiasaannya melibatkan pengetahuan, kesedaran, kesediaan dan penerimaan dalam kalangan pelajar tertuari tentang teknologi baru dan perubahan teknikal ([Indrinal, 2022](#)). Tanpa mengira usia, lelaki sepatutnya tidak janggal dalam penggunaan komputer berbanding wanita. Kebiasannya, wanita menunjukkan kebolehan menggunakan komputer yang lebih rendah dan tahap kebimbangan yang tinggi dalam penggunaan komputer. Penyelidikan [Mohd Amin et al. \(2000\)](#) telah menunjukkan bahawa keputusan penggunaan teknologi bagi lelaki lebih kuat dipengaruhi oleh persepsi kegunaan. Sebaliknya, wanita lebih dipengaruhi oleh persepsi tentang kemudahan penggunaan. Lelaki dan wanita memberi tumpuan kepada aspek yang berbeza dalam penggunaan komputer ([Venkatesh & Morris, 2000](#)).

Antara perspektif kajian ialah pelajar tidak peka terhadap persekitaran di kolej. Para guru berdiri di hadapan kelas dan menerangkan semua bahan, sementara pelajar yang lain hanya duduk di tempat duduk mereka dan mendengar guru mereka mengajar. Komunikasi sehalu memberi kesan negatif kepada pelajar ([Shaturaev, 2021](#)). Mereka menjadi tidak yakin untuk berkongsi pendapat atau bertanya soalan. Kerajaan harus meningkatkan pendidikan ini ke tahap yang lebih baik. Komunikasi secara dua hala dianggap sebagai kaedah yang lebih baik dalam kaedah pengajaran [Johan \(2014\)](#). Selain itu, perkembangan teknologi juga memberi banyak kesan kepada pengajaran dan pembelajaran ([Lobarkhon, 2021](#)). Perkara ini sangat berguna bagi semua orang untuk mendapatkan pendidikan kerana pendidikan adalah salah satu elemen penting dalam kehidupan manusia. Seiring peredaran waktu, sistem pendidikan berubah secara dinamik mengikut keperluan manusia. Objektif kajian ini adalah mengenal pasti kepekaan pelajar terhadap sistem pendidikan di kolej, mengenal pasti keterlibatan pelajar terhadap

program di kolej dan mengenal pasti pencapaian pelajar dalam sesi pembelajaran di dalam kelas seperti yang dinyatakan oleh [Salas-Delgado et al. \(2022\)](#).

2. Sorotan Literatur

Kajian [Basari dan Siew \(2022\)](#) menjelaskan bahawa pendekatan pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan kognitif dan afektif murid perlu mengambil kira teori, model, kaedah dan teknik pengajaran bagi mewujudkan pembelajaran aktif pelajar di dalam bilik darjah. [Nagarathan \(2015\)](#) turut menyatakan bahawa seseorang yang mempunyai kesedaran, minat dan sikap positif terhadap bidang pengajian membawa kepada pembangunan keserasian antara tuntutan dan jangkaan di satu pihak dan kerjaya masa depan di pihak yang lain. Menurut [Nawi \(2011\)](#), tujuan dan maksud pengajaran dan pembelajaran adalah sama iaitu untuk mendapatkan ilmu. Namun [Gerges \(2005\)](#) mendapati terdapat perbezaan antara pengajaran dan pembelajaran. Pengajaran ialah proses menyampaikan ilmu daripada seorang guru kepada seorang pelajar manakala pembelajaran pula memberi maksud cara seseorang pelajar itu memperoleh kecekapan dan kepandaian dalam ilmu pengetahuan yang boleh diaplikasikan oleh mereka dalam kehidupan harian masing-masing.

Bagi [Hamdan \(2006\)](#) tujuan utama pendidikan adalah untuk membawa manusia ke arah kesedaran supaya mereka tahu perkara yang betul dan perkara yang salah. Kita mesti ingat bahawa kecerdasan sahaja tidak mencukupi. Manakala menurut [Isa \(1996\)](#) pendidikan ialah sebagai satu proses menerapkan dan menitiskan ilmu serta kemahiran yang mengakibatkan wujudnya interaksi antara guru (yang melaksanakan pengajaran) dan pelajar (yang mengalami pembelajaran). Proses P&P berlaku melalui pelbagai wahana, menggunakan pelbagai kaedah atau metodologi, dan melibatkan seluruh deria pelajar.

Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi sistem pendidikan. Budaya, teknologi, dan ekonomi memberi banyak kesan kepada sistem pendidikan sesebuah negara. Selain itu, peraturan yang dibuat oleh pemerintah mempengaruhi cara pendidikan sistem berfungsi di dalam sesebuah negara seperti yang dilakukan di Uzbekistan ([Hakimov et al., 2020](#)). [Ainscow et al. \(2011\)](#) menekankan perlunya pelajar-pelajar melazimkan diri dengan amalan alternatif di negara lain sejak fasa kanak-kanak. Apabila seseorang pelajar itu lulus ujian atau menghabiskan pengajian, mereka pasti telah mempelajari sesuatu yang menyebabkan mereka berjaya mencapai tujuan mereka. Namun mereka tidak betul-betul mempelajari semua perkara yang sepatutnya dipelajari oleh mereka. Mungkin mereka hanya belajar kaedah untuk menghafal nama, tempat, dan tarikh disebabkan mereka ingin lulus sesuatu ujian tanpa benar-benar memahami perkara yang dipelajari oleh mereka. Apabila, ujian itu selesai, mereka akan melupakan segala yang telah dihafal oleh mereka dan untuk melapangkan minda, mereka melakukan ujian seterusnya. Oleh itu, salah satu cara untuk meningkatkan tahap kepekaan pelajar adalah dengan penggunaan sistem portal pelajar iaitu pelajar boleh mencapai bahan pembelajaran tanpa mengira masa dan tempat. Hal ini dinyatakan oleh [Jobirovich \(2021\)](#) yang menjelaskan bahawa teknologi digital berperanan dalam mengubah sistem pembelajaran dan dapatan ini juga disokong oleh [Aldiab et al. \(2019\)](#).

3. Metod Kajian


Kajian yang dilakukan berbentuk kuantitatif dan menggunakan borang soal selidik seperti yang dilakukan oleh [Hill et al. \(2013\)](#). Borang soal selidik tersebut diberikan kepada

pelajar Kolej iCOOP untuk dijawab dan dikutip semula untuk dianalisis. Pengumpulan data ini dilakukan secara dalam talian menggunakan Google Form dan diberikan kepada pelajar. Soal selidik telah dijalankan di Kolej iCOOP kepada seramai 26 orang responden untuk mengetahui tahap kepekaan pelajar. Persampelan adalah secara rawak terhadap pelajar di Kolej iCOOP. Memandangkan Kolej iCOOP mempunyai jumlah pelajar yang sedikit, saiz sampel adalah kecil. Hal ini dikatakan demikian kerana kolej ini adalah di bawah pentadbiran Institut Koperasi Malaysia dan tidak ramai orang yang mengetahui kolej tersebut menawarkan jurusan berkenaan koperasi. Kajian ini dilakukan menggunakan skala Likert. Label skala adalah 1-sangat tidak setuju, 2-tidak setuju, 3-neutral, 4-setuju, 5-sangat setuju.

4. Hasil Kajian

Terdapat 15 orang responden iaitu 57.7 peratus terdiri daripada perempuan dan 11 orang responden ialah lelaki dengan peratus 42.3 peratus. Hasil soal selidik mendapati 16 responden iaitu 61.5 peratus sedang mengikuti program Diploma Pengurusan Koperasi manakala 8 responden (30.8 peratus) mengikuti program Diploma Perakaunan, dan 1 responden sedang mengikuti Diploma Keusahawanan Koperasi dan Diploma Pentadbiran Koperasi berdasarkan [Gambar rajah 1](#).

Gambar rajah 1: Program Pengajian Pelajar



Soal selidik terbahagi kepada 20 soalan untuk mengetahui tahap kepekaan pelajar. [Gambar rajah 2](#) menunjukkan 65.4 peratus iaitu sebanyak 17 responden setuju bahawa program suai kenal di kolej membantu mereka memahami sistem kolej dengan lebih jelas.

Gambar rajah 2: Program Suai Kenal Kolej




Manakala 15.4 peratus iaitu 4 responden sangat bersetuju dengan adanya program suai kenal yang dijalankan di kolej dan 19.2 peratus iaitu 5 responden bersifat berkecuali dengan program suai kenal kolej yang dijalankan di kolej. Program suai kenal kolej sering dijalankan pada minggu kemasukan pelajar baharu yang mendaftar untuk memastikan mereka mendapat maklumat dan memahami sistem pentadbiran dan pengurusan kolej dengan lebih jelas.

Soalan 2 merujuk pada [Gambar rajah 3](#) menunjukkan 61.5 peratus (16 responden) dan 3.8 peratus (1 responden) bersetuju dengan kemudahan yang disediakan oleh pihak kolej membantu mereka dalam sistem pembelajaran dan pembangunan sahsiah diri, manakala terdapat 7.7 peratus (2 responden) tidak bersetuju bahawa kemudahan di kolej membantu sistem pembelajaran dan pembangunan sahsiah diri dan 26.9 peratus di mana 7 responden bersifat berkecuali. Kemudahan yang tidak lengkap akan mempengaruhi sistem pembelajaran pelajar di kolej dan secara tidak langsung memberi kesan terhadap pembangunan sahsiah diri pelajar. Pihak kolej seharusnya memainkan peranan dalam menyediakan kemudahan yang lengkap dan kondusif kepada pelajar di kolej agar sistem pembelajaran dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

Gambar rajah 3: Kemudahan di Kolej


Kemudahan yang disediakan oleh kolej membantu saya dalam pembelajaran dan pembangunan sahsiah diri saya
26 responses



[Gambar rajah 4](#) menunjukkan 14 responden bersetuju (53.9 peratus) bahawa mereka aktif ketika berada di dalam kelas manakala terdapat 12 responden (46.2 peratus) menyatakan bahawa mereka bersikap berkecuali di dalam kelas.

Gambar rajah 4: Aktif dalam Kelas

Saya terlibat secara aktif di dalam kelas
26 responses



Sehubungan dengan itu, berdasarkan [Gambar rajah 5](#), responden juga terlibat secara aktif dalam program yang dianjurkan oleh pihak kolej iaitu 16 responden (60.5 peratus) bersetuju manakala terdapat 10 responden menunjukkan sikap berkecuali terhadap program yang dianjurkan oleh pihak kolej.

Gambar rajah 5: Aktif dalam Program Kolej



Terdapat pelbagai program yang dianjurkan oleh pihak kolej untuk membantu para pelajar bergerak secara aktif dalam aktiviti berkumpul serta menyediakan pelbagai ilmu pengetahuan kepada pelajar untuk membentuk sahsiah mereka. Namun, [Gambar rajah 6](#) menunjukkan hanya 30.8 peratus iaitu 8 responden yang terlibat secara langsung dalam merancang dan melaksanakan program di kolej manakala 57.7 peratus iaitu 15 responden bersikap berkecuali apabila mereka tidak terlibat mahupun melibatkan diri dalam perancangan program dan terdapat 11.5 peratus iaitu 3 responden tidak terlibat secara langsung dalam perancangan dan pelaksanaan sesuatu program.


Gambar rajah 6: Terlibat dalam merancang dan melaksanakan program kolej



[Gambar rajah 7](#) dan [Gambar rajah 8](#) menunjukkan persekitaran di kolej dan pembelajaran di kelas mempengaruhi pencapaian pelajar. Persekitaran di kolej boleh mempengaruhi pembentukan sahsiah diri dan pencapaian pelajar apabila terdapat 69.2 peratus iaitu seramai 18 responden bersetuju bahawa persekitaran pembelajaran di kolej memerlukan kerjasama dengan orang lain manakala 57.7 peratus (15 responden) bersetuju bahawa pembelajaran di dalam kelas penting dalam membantu pencapaian akademik. Hal ini menunjukkan bahawa persekitaran di kolej dan juga pembelajaran di dalam kelas dititikberatkan oleh pelajar dalam pendidikan dan pencapaian akademik mereka.


Gambar rajah 7: Persekitaran pembelajaran di kolej

Persekitaran pembelajaran di kolej memerlukan kerjasama dengan orang lain
26 responses



Gambar rajah 8: Pembelajaran di dalam kelas

Pembelajaran di dalam kelas membantu saya dalam pencapaian akademik
26 responses



Jadual 1 menunjukkan tahap pencapaian pelajar daripada sesi pembelajaran di dalam kelas. Secara keseluruhannya, majoriti responden bersetuju bahawa kaedah pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas iaitu sesi pembelajaran dua hala antara pensyarah dan pelajar membantu pelaksanaan sesi pembelajaran dengan lebih berkesan.

Jadual 1: Tahap pencapaian pelajar dalam sesi pembelajaran

Pernyataan	Sangat tidak setuju	Tidak setuju	Neutral	Setuju	Sangat setuju
Pensyarah mengemukakan soalan dan memberi bimbingan kepada pelajar dalam memperoleh jawapan	0.0%	0.0%	15.4%	50.0%	34.6%
Saya mengambil bahagian dalam memperoleh jawapan bagi soalan-soalan yang diberikan oleh pensyarah	0.0%	3.8%	26.9%	57.7%	11.5%
Saya menyelesaikan soalan-soalan yang diberikan oleh pensyarah dengan daya upaya saya sendiri dan tidak bergantung harap pengajaran di dalam kelas semata- mata	3.8%	3.8%	50.0%	34.6%	7.7%
Latihan tutorial yang diberikan oleh pensyarah membantu tahap pemahaman saya terhadap pembelajaran saya di kolej	0.0%	0.0%	11.5%	69.2%	19.2%

Pensyarah mengemukakan soalan dan memberi bimbingan kepada pelajar manakala pelajar aktif mengambil bahagian agar memperoleh jawapan yang dikemukakan oleh pensyarah. Responden juga menyelesaikan soalan-soalan yang diberikan dengan menggunakan sumber yang lain dan tidak bergantung pada pengajaran pensyarah semata-mata. Tambahan pula, latihan tutorial yang diberikan turut membantu tahap pemahaman pelajar dalam sesi pembelajaran di kolej. Proses pengajaran yang berkesan antara pensyarah kepada pelajar amat penting dalam membantu sesi pembelajaran pelajar dan pelajar memperoleh keputusan yang cemerlang.

Gambar rajah 9 menunjukkan kaedah pembelajaran dan pengajaran di kolej membantu responden dalam pencapaian akademik. Merujuk pada Gambar rajah 9, 84.6 peratus responden bersetuju bahawa kaedah pembelajaran dan pengajaran yang dipraktikkan di dalam kelas membantu mereka memperoleh pencapaian akademik yang cemerlang. Tidak dinafikan terdapat segelintir pelajar yang bersikap berkecuali dengan dapatan menunjukkan bahawa kaedah pembelajaran di kolej membantu mereka mendapatkan keputusan yang cemerlang. Perkara ini berkemungkinan disebabkan oleh faktor-faktor luar seperti kaedah pembelajaran secara *dalam talian* dan mendapatkan bahan rujukan secara *dalam talian* membantu para pelajar dalam sesi pembelajaran di dalam kelas. Tambahan pula, bahan rujukan kini dapat diakses dengan mudah dan segala maklumat tersedia di hujung jari.

Gambar rajah 9: Kaedah pembelajaran dan pengajaran di kolej



5. Perbincangan Kajian

Merujuk pada tujuan utama kajian adalah untuk melihat tahap kepekaan pelajar terhadap pengajaran dan pembelajaran. Selain itu juga, kajian ini dilakukan bagi melihat keberkesanan sistem pengajaran dan pembelajaran dalam mempengaruhi kelangsungan hidup pelajar. Hal ini penting kerana untuk mengenal pasti kepekaan dan keterlibatan pelajar terhadap sistem pendidikan dan program di Kolej iCOOP.

Antara perbincangan lain tentang faktor-faktor tahap pencapaian pelajar di dalam kelas ialah prospek pengembangan pendidikan jarak jauh, kesan latihan guru terhadap perkembangan progresif, penggunaan teknologi maklumat dalam pendidikan dengan dasar-dasar kompetensi, keadaan pendidikan prasekolah terkini dan sebagainya.

6. Kesimpulan

Oleh hal yang demikian, petunjuk utama untuk meningkatkan kualiti pendidikan sepanjang hayat dalam keadaan pembangunan ekonomi yang inovatif, pendidikan yang sihat dan asuhan untuk pembangunan yang mampan perlu diberikan perhatian serius. , Penggunaan e-pembelajaran dalam sesi pengajaran dan peranan seorang guru profesional dalam menyediakan keperibadian yang dikembangkan secara harmoni, serta inovasi dalam sistem pendidikan, sewajarnya dititikberatkan dalam kalangan profesion pendidikan pada zaman yang serba canggih kini agar para pelajar tidak ketinggalan ditelan arus kemodenan. Kesannya pelajar-pelajar yang cemerlang dari segi akademik, sahsiah dan rohani dapat direalisasikan

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (RECUKM). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada penyelia saya, Dr Shahlan Surat yang banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan untuk melengkapkan kajian ini. Tidak lupa kepada keluarga, sahabat dan semua responden yang terlibat dalam membantu saya secara langsung mahupun tidak langsung dalam menyiapkan kajian ini.

Kewangan (*Funding*)

Sebarang tajaan mahupun bantuan dalam bentuk kewangan tidak diterima dalam menjalankan kajian dan penerbitan ini.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan sepanjang kajian dan penerbitan artikel ini dijalankan.

Rujukan

- Ainscow, M. Dyson, A., Sue Goldrick, S. & West M. (2011). *Developing Equitable Education Systems*. London: Routledge.
- Aldiab, A., Chowdhury, H., Kootsookos, A., Alam, F., & Allhibi, H. (2019). Utilization of Learning Management Systems (LMSs) in higher education system: A case review for Saudi Arabia. *2nd International Conference on Energy and Power* (hlm. 731-737). Sydney: Elsevier Ltd.
- Basari, J. & Siew, N. M. (2022). Kerangka Pemupukan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik Tambahan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), e001348.

- Gerges. (2005). *Mu'jam mustalahat al-tarbiyah wa-al-ta'lim*. Beirut: Dar al-Nahdah al-'Arabiyah.
- Hakimov, N. H., Sadikov, A. K., Abdumalikov, A. A., Rustamov, I. A., & Iminov, B. B. (2020). Reforming the Education System in the Condition of a New Stage of Development. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, 4384-4395.
- Hamdan, M. (2006). *Mu'jam mustalahat al-tarbiyah wa-al-ta'lim*. Dar Konoz Al-Marefa For P.
- Hill, D., Stern, M. J. & Powell, R. (2013). Environmental education program evaluation in the new millennium: what do we measure and what have we learned? *Environmental Education Research*, 20(5), 581-611.
- Indrinal, J. C. (2022). Senior High School Students' Awareness and Literacy on Computer Software Applications. *International Journal of Educational Management and Development Studies*, 39-51.
- Isa, Y. (1996). *Almanak Pendidikan*. Berita Pub.
- Jobirovich, Y. M. (2021). The Role Of Digital Technologies In Reform Of The Education System. *The American Journal of Social Science and Education Innovations*, 461-465.
- Johan, R., & Harlan, J. (2014). Education Nowadays. *International Journal Education Science Research (IJESR)*, 4(5), 51-56.
- Lobarkhon, M. K. (2021). ICT - As a Means of Achieving New Education Results in Teaching Natural Discipline in Secondary Schools. *ACADEMICIA: An International Multidisciplinary Research Journal*, 315-321.
- Mohd Amin, H., Mohd Judi, H. H., & Sahran, S. (2000). Literasi komputer Antara Jantina. (hlm. 304-315). Putrajaya: Faculty of Education, UKM.
- Mydin, F. & Surat, S. (2021). Research capability: Early-career academics' perception of doctoral. *European Journal of Educational Research*, 10(4), 1893-1905. doi:10.12973/EU-JER.10.4.1893
- Nagarathan, R. (2015). Hubungan sikap, Pemikiran dan Tingkah Laku Terhadap Keinginan Dalam Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Dalam Kalangan Prasiswazah India Di Institut Pengajian Tinggi Sekitar Bangi. [Unpublished master's thesis], Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nawi, N. H. (2011). Pengajaran dan Pembelajaran; Penelitian Semula Konsep-konsep Asas Menurut Perspektif Gagasan Islamisasi Ilmu Moden. *Kongres Pengajaran dan Pembelajaran UKM*, (hlm. 1-15). Pulau Pinang.
- Salas-Delgado, M. V., Chara-Barreda, C., Turpo-Rodríguez, A. M. & Portilla-Vilca E. (2022). Digital Competence: Importance of Being Included in the Higher Education Curriculum. *IV International Congress of Trends in Educational Innovation*. Peru: CEUR Workshop Proceedings.
- Shaturaev, J. (2021). Indigent Condition In Education And Low Academic Outcomes In Public. *Архив научных исследований*.
- Venkatesh, V., & Morris, M. G. (2000). Why Don't Men Ever Stop to Ask for Directions? Gender, Social Influence, and Their Role in Technology Acceptance and Usage Behavior. *MIS Quarterly*, 24, 115-139. doi:https://doi.org/10.2307/3250981